

# Intisari Daftar


---

<b>Bab 1</b>	<b><u>Pemasangan Perisian (Software Installation)</u></b> .....	<b>3</b>
	: Pemasangan	
	: Pendaftaran Perisian	
<b>Bab 2</b>	<b><u>Bahagian Permulaan (Getting Started)</u></b> .....	<b>5</b>
	: Profil Syarikat	
	: Tahun Kewangan	
	: Tarikh Kemasukan	
	: Hak Capaian Pengguna	
	: Kata Laluan Sistem	
	: Pelaksanaan Pusat Kawalan	
<b>Bab 3</b>	<b><u>Sediakan Fail Utama (Create Master Files)</u></b> .....	<b>7</b>
	: Mengubah Akaun Lejar Am	
	: Membuka Fail Pelanggan (Pengendalian Akaun Penghutang)	
	: Membuka Fail Pembekal (Pengendalian Akaun Pemiutang)	
	: Membuka Fail Inventori (Pengendalian Kawalan Senarai Barang-barang)	
<b>Bab 4</b>	<b><u>Baki Awal (Opening Balances)</u></b> .....	<b>11</b>
	: Masukkan Baki Awal Lejar Am	
	: Masukkan Baki Belum Jelas Kepada Pelanggan	
	: Masukkan Baki Hutang Kepada Pembekal	
	: Masukkan Baki Awal Inventori	
<b>Bab 5</b>	<b><u>Kemasukan Data Harian (Daily Data Entry)</u></b> .....	<b>15</b>
	: Kemasukan Data Am	
	Pembayaran Buku Tunai (Pembelanjaan Lain)	
	Penerimaan Buku Tunai (Pendapatan Lain)	
	Jurnal G/L Lain	
	: Kemasukan Data Pelanggan	
	Data Jualan (tanpa mengeluarkan invois kepada pelanggan)	
	Data Jualan Tunai (tanpa mengeluarkan bil tunai kepada pelanggan)	
	Penerimaan Daripada Pelanggan	
	: Kemasukan Data Pembekal	
	Data Belian (tanpa inventori diterima)	
	Pembayaran Untuk Pembekal	
	: Kemasukan Data Inventori	
	Inventori Penerimaan	
	Pelarasan Inventori	

---


<b>Bab 6</b>	<b><u>Menyediakan Bil/Dokumen (Issuing Bills/Documents)</u></b> .....	<b>31</b>
	: Menyediakan Sebut Harga	
	: Menyediakan Pesanan Jualan	
	: Menyediakan Pesanan Penghantaran	
	: Menyediakan Invois Jualan	
	: Menyediakan Nota Kredit	
	: Menyediakan Bil Tunai	
	: Menyediakan Pesanan Belian	
	: Menyediakan Pulangan Belian	
<b>Bab 7</b>	<b><u>Paparan Segera Transaksi (Quick View)</u></b> .....	<b>39</b>
<b>Bab 8</b>	<b><u>Pembetulan Kesilapan (Error Correction)</u></b> .....	<b>43</b>
<b>Bab 9</b>	<b><u>Penyata Penyesuaian Bank (Bank Reconciliation)</u></b> .....	<b>47</b>
<b>Bab 10</b>	<b><u>Kemasukan Inventori Akhir (Closing Inventory Entry)</u></b> .....	<b>50</b>
<b>Bab 11</b>	<b><u>Cukai dan Seting Kunci Tarikh Kemasukan (Tax And Locking Date Setting)</u></b> .....	<b>51</b>
<b>Bab 12</b>	<b><u>Data Sandar dan Di masuk Semula (Backup And Restore Data)</u></b> .....	<b>53</b>
<b>Bab 13</b>	<b><u>Laporan UbahSuai dan Seting Permulaan (Customize Report And Default Setting)</u></b> .....	<b>55</b>

# Bab 1 Pemasangan Perisian




**Rajah 1-1**  
Pemasangan QuickUSE Accounting

Terima kasih!  
Tekan 'Next' untuk  
seterusnya.



**Rajah 1-2**  
Lesen Perjanjian QuickUSE


Baca Lesen Perjanjian  
Perisian. Tekan 'Yes' untuk  
setuju.



**Rajah 1-3**  
Lesen Perjanjian


1. Taipkan ID anda dan nama  
syarikat. Masukkan nombor  
siri Perisian.

2. Tekan 'Next' untuk  
seterusnya.




**Rajah 1-4**  
*Pilih Destinasi Penempatan*

Tekan 'Browse' jika anda ingin menukar penempatan destinasi, atau tekan 'Next' untuk seterusnya.



**Rajah 1-5**  
*Pilih Folder Program*

Pilih folder program anda. Tekan 'Next' untuk seterusnya.



**Rajah 1-6**  
*Proses Tamat*

Proses tamat. Keluarkan CD anda dan tekan 'Finish' untuk menamatkan proses.

## Bab 2

## Bahagian Permulaan

**Profil Syarikat**

Nama Syarikat: Syarikat Cipta Buku Sdn. Bhd. **1** Terima (A) **5**

No Rujukan: 074110-M

Alamat: No 17, Jalan 13/91, Taman Shamelin Perkasa Batu 31/12, Jalan Cheras 56100 Kuala Lumpur, Malaysia

No Telefon: 03-9875222 No Faks: 03-98751112

Alamat E-Mel: cipta@tm.net.my

Orang Kontak: Encik Hassan

Tempoh Bermula: Januari (Permulaan Tahun Kewangan) **2**

Simbol Mata Wang: **3**

Kod Capaian: **4**

Path Data: F:\QuickUSE Accounting - Malay\DATA0001

**Rajah 2-1**  
*Company Profil*

1. Masukkan nama syarikat, nombor rujukan, alamat, telefon dan nombor faks serta nama orang yang dihubungi.
2. Nyatakan permulaan tahun kewangan (financial year) syarikat.
3. Simbol matawang ini akan terdapat di dalam penyata atau bil anda.
4. Masukkan kod capaian (access code).
5. Tekan "Terima" untuk simpan.

Tip: Bagaimana mendapatkan kod capaian syarikat anda.

1. Dari skrin Lejar Am, klik bar menu 'Penyelenggaraan'.
2. Dari list penyelenggaraan, klik 'Kod Capaian'.
3. Klik 'Cetak Borang'. Fakskan borang ini kepada kami.
4. Selepas anda terima kod capaian, anda dikehendaki pergi ke induk menu untuk klik 'Kod Capaian'.
5. Taipkan kod capaian anda dan klik 'Terima'.

**QuickUSEMY**

Fail (F) Paparan (V) Penyelenggaraan (M) Bantuan (H)

**QuickUSE Accounting**  
QuickUSE Accounting Homepage

**Syarikat Cipta Buku Sdn. Bhd.**

Tarikh Kemasukan: 01/01/2001 **1** 01/01/2001 **2**

Nama Pengguna: MANAGER **3**

Kata Laluan: **4**

Pusat Kawalan: **5**


Lejar Am Lejar Penghutang Lejar Pemilutang  
Kawalan Invois Kawalan Inventori Pusat Kawalan  
Seting Jenis Cukai Tambah Pengguna Keluar Dari Program

Tip Tunjuk (I) QuickUSE Accounting E-mel

Sedia NUM

**Rajah 2-2**  
*Menu Induk*

1. Masukkan tarikh kemasukan (entry date). Tarikh ini akan menjadi tarikh permulaan (default date) bagi setiap kemasukan.
2. Ini adalah tarikh kemasukan dahulu.
3. Masukkan nama pengguna (user).
4. Masukkan kata laluan (password).
5. Pilih pusat kawalan (control centre), jika ada.



Rajah 2-3  
Tambah/Hapus Pengguna



1. Untuk menambah nama pengguna, masukkan nama pengguna baru.
2. Ciptakan kata laluan (Password) sistem untuk pengguna baru.
3. Tandakan pada petak di mana pengguna yang diberi kebenaran.
4. Tekan 'Tambah Pengguna' dan pengguna baru akan dimasukkan dalam senarai pengguna.



Rajah 2-4  
Seting Kata Laluan

1. Untuk mengubah kata laluan, tekan tukar kata laluan di dalam penyelenggaraan (maintenance) dan masukkan kata laluan yang baru.
2. Tekan butang 'OK' untuk terima. Satu petak akan wujud untuk pengesahan kata laluan. Masukkan kata laluan baru sekali lagi dan tekan butang 'OK' untuk simpan.

## Bab 3 Sediakan Fail Utama

Penyelenggaraan Kod Akaun Lejar Am - Lejar Am

Fail (F) Paparan (V) Kemasukan Data (D) Pertanyaan (I) Laporan (R) Penyelenggaraan (M) Bantuan (H)

G/L A/R A/P IN ST

Kod G/L 11310

Nama Akaun RHB Bank

Jenis Akaun 1. Aset Semasa

Gelintaran Berkumpulan 1. Cash & Bank

Simpan (S) Hapus (D) Baru/Batal (N) Keluar (X) Baki Awal (B)

Tekan F1 untuk Bantuan 135 NUM

**Rajah 3-1**

*Penyelenggaraan Kod Akaun Lejar Am*



1. Masukkan kod akaun (account code) (maksima 10 angka).
2. Masukkan nama akaun (account name).
3. Pilih jenis akaun (account type) (seperti Aset Tetap, Aset Semasa, Liabiliti).
4. Pilih kumpulan carian (search group), jika perlu.
5. Tekan simpan untuk terima.
6. Untuk memasukkan baki awal bagi semua akaun lejar am, pergi ke Penyelenggaraan Akaun G/L (G/L Account Maintenance) dan tekan butang baki awal. (Sila merujuk Bab 4 – Baki Awal G/L).

### Bab 3 Sediakan Fail Utama

Penyelenggaraan Pelanggan (A/R) - Lejar Penghutang

Fail (F) Papar (V) Kemasukan Data (D) Pertanyaan (I) Laporan (R) Penyelenggaraan (M) Bantuan (H)

G/L A/R A/P IN ST

Kod A/R AB001 Alamat Penghantaran (A)

Nama Pelanggan Asia Bagus Buku Kedai

Alamat 85, Jalan Delima, Taman Daya, 81100 Johor Bahru

No Telefon 07-3521522 No Faks 07-3521233

Alamat E-Mel

Orang Kontak Encik Rozi

Kod Analisis Flashim

Kod Kemasukan G/L 12100 Kawalan Penghutang Penghutang Perniagaan

Jenis Penyata 0 Penyata Terbuka

Kod Jualan 51100.01 Jualan - Buku Rujukan

Tempoh Bayaran 30 hari

Jenis Cukai

Had Kredit 25,000.00

Catitan

Simbol Mata Wang RM

Tekan F1 untuk Bantuan 4 NUM

Rajah 3-2  
Penyelenggaraan Pelanggan (A/R)



1. Taip kod pelanggan (customer code) (maksima 10 huruf).
2. Taip nama pelanggan (customer's name).
3. Masukkan alamat, nombor telefon, nombor faks pelanggan dan sebagainya.
4. Anda boleh tekan di sini untuk memasukkan alamat penghantaran pelanggan.
5. Masukkan kod analisa, jika ada (seperti jurujual, tempat dan sebagainya).
6. Pilih jenis penyata.
7. Masukkan tempoh bayaran.
8. Masukkan jumlah had kredit.
9. Pilih akaun kawalan pelanggan (A/R control account)
10. Pilih kod jualan. (default sales code).
11. Jika perlu, pilih jenis cukai (Jenis Cukai ini boleh cipta di dalam Seting Cukai di Menu Induk).
12. Masukkan catitan mengenai pelanggan, jika perlu.
13. Masukkan simbol matawang untuk pelanggan.
14. Tekan 'Simpan' untuk terima.
15. Untuk memasukkan baki awal, tekan butang 'Baki Awal'. (Sila merujuk Bab 4 - A/R Baki Awal)



**Rajah 3-3**  
*Penyelenggaraan Pembekal (A/P)*



1. Taip kod pembekal (supplier code) (maksima 10 huruf).
2. Taip nama pembekal (supplier's name).
3. Masukkan alamat, nombor telefon dan nombor faks pembekal.
4. Pilih akaun kawalan pembekal (A/P control account).
5. Pilih kod belian (default purchase code).
6. Jika perlu, pilih jenis cukai (tax type). (Jenis cukai dicipta dalam Seting Cukai di Menu Induk).
7. Masukkan tempoh bayaran.
8. Masukkan amaun had kredit.
9. Masukkan simbol matawang.
10. Masukkan catitan mengenai pembekal, jika perlu.
11. Tekan "Simpan" untuk terima.
12. Untuk memasukkan baki awal, tekan butang 'Baki Awal'. (Sila merujuk Bab 4 – A/P Baki Awal).

### Bab 3 Sediakan Fail Utama

Penyelenggaraan Pembekal (A/P) - Kawalan Inventori

Fail (F) Paparan (V) Kemasukan Data (D) Pertanyaan (I) Laporan (R) Penyelenggaraan (M) Bantuan (H)

G/L A/R A/P IN ST

Kod Item: LCC01

Keterangan Item: L.C.C.I Book Keeping And Accounts

Kategori: Buku Ruj

Unit Ukuran: Buah

Harga Jualan (STD): 50.00

Harga Kos (STD): 30.00

Takat Minima: 100

Kuantiti Pesanan Semula: 500

Kuantiti Baki: 110

Kod Jualan G/L: 51100.01

Kod Belian G/L: 61100.01

Jenis Cukai:

Simpan (S) Hapus (D) Baru/Batal (N) Keluar (X)

For Help, press F1 6 NUM

Rajah 3-4  
Penyelenggaraan Item Inventori



1. Masukkan kod item (item code). Setiap kod mestilah unik dan maksima 25 huruf.
2. Pilih item inventori (Inventory item) atau item servis (service item).
3. Masukkan keterangan item (item description).
4. Masukkan keterangan tambahan mengenai maklumat tersebut. (Barisan tidak terhad untuk keterangan)
5. Masukkan kategori inventori (Inventory category).
6. Masukkan unit ukuran (unit of measurement).
7. Jika anda masukkan harga tetap jualan (standard), harga ini akan tetap tetapi anda boleh mengubahnya semasa membuat transaksi.
8. Masukkan harga tetap kos (standard), harga ini akan tetap tetapi anda boleh mengubahnya setiap kali anda membuat transaksi.
9. Masukkan had minima inventori (minimum Inventory level) untuk keterangan ini.
10. Masukkan kuantiti pesanan semula (reorder quantity). Dengan membuat demikian, anda boleh cetak senarai pesanan semula pada bila-bila masa sahaja.
11. Ini menunjukkan baki item dalam kuantiti.
12. Pilih kod jualan G/L. (default G/L sales code).
13. Pilih kod belian G/L. (default G/L purchase code).
14. Jika perlu, pilih jenis cukai.
15. Tekan 'Simpan' untuk terima.

## Bab 4 Baki Awal



The screenshot shows a window titled 'Baki Awal' with a table of accounts and their opening balances. The table has columns for 'KOD G/L', 'NAMA', 'AMAUN', 'A/R', and 'A/P'. Red starburst icons are placed over the 'AMAUN', 'A/R', and 'A/P' columns, and another over the 'Simpan' button at the bottom right.


KOD G/L	NAMA	AMAUN	A/R	A/P
11100	Wang Tunai Kecil	500.00		
11200	Wang Tunai Di Tangan			
11310	RHB Bank	48,020.00		
11320	Bank 2			
11330	Dummy Bank For A/R And A/P Contra			
12100	Penghutang Perniagaan	3,250.00	3,250.00	
12200	Provision for Doubtful Debts			
12300	Other Debtors			
13100	Stock			
13100.01	Stor - Barangan Siap	26,400.00		
13100.02	Stock - Raw Materials			
13100.03	Stock - Work in Progress			
14100	Deposits			
14200	Prepaid Expenses			
14300	Employee Advances			
14400	Preliminary Expense - B/F			
15100	Loan Receivable			
16100	Director's Account			
25100	Peralatan Pejabat	20,000.00		
25100.01	Susutnilai Peralatan Pejabat Terkumpul	-4,000.00		

Summary: 182,170.00 Jumlah Debit, 182,170.00 Jumlah Kredit. Buttons: Keluar, Simpan.

**Rajah 4-1**  
*Baki Awal Lejar Am*

1. Masukkan baki awal untuk semua akaun G/L termasuk semua akaun kawalan (control accounts) Penghutang (Debtors) dan Pemiutang (Creditors).
2. Setelah anda masukkan baki awal untuk setiap individu penghutang, jumlah amaun yang dipamerkan dalam A/R (Accounts Receivable) akan sama dengan akaun kawalan penghutang.
3. Setelah anda masukkan baki awal untuk setiap individu pemiutang, jumlah amaun yang dipamerkan dalam A/P (Accounts Payable) akan sama dengan akaun kawalan pemiutang.
4. Jika semua kemasukan betul, jumlah debit dan kredit mesti sama. "Sistem tidak akan menerima jika jumlah debit tidak sama dengan jumlah kredit".
5. Tekan 'Simpan' untuk terima.

Tip: Sebelum anda masukkan baki awal, anda harus menyediakan semua akaun G/L dalam Penyelenggaraan Akaun G/L.



**Rajah 4-2**  
Baki Awal Lejar Penghutang

1. Masukkan tarikh invoice belum jelas (outstanding invoice).
2. Masukkan nombor invoice belum jelas.
3. Masukkan amaun invoice.
4. Tekan “Tambah” untuk menambahkan invoice belum jelas.
5. Setelah semua invoice di masukkan, tekan “Simpan”.
6. Untuk mengubah baki awal, pilih (highlight) invoice yang hendak di ubah.
7. Edit invoice yang dipilih dan tekan “Simpan” untuk menerima perubahan.



**Baki Awal**

Tarikh **1** 31/12/1999 **5** Simpan (S)  
No Rujukan INV991200 **2** **4** Tambah (A)  
Amaun 2005 **3** Padam (D)  
Batal (C)

TARIKH	NO RUJUKAN	AMAUN
31/12/1999	INV991100	12,520.00

**Baki Awal**

Tarikh 31/12/1999 Simpan (S) **7**  
No Rujukan INV991200 Tambah (A)  
Amaun 3,115.00 Padam (D)  
Batal (C)


TARIKH	NO RUJUKAN	AMAUN
31/12/1999	INV991100	12,520.00
31/12/1999	INV991200	3,115.00

Jumlah 15,635.00

**Rajah 4-5**  
Perubahan  
Baki Awal  
(A/P)

**Rajah 4-4**  
Baki Awal Lejar Pemiutang

1. Masukkan tarikh invois baki belum bayar (outstanding invoice).
2. Masukkan nombor invois baki belum bayar.
3. Masukkan amaun invois baki belum bayar.
4. Tekan 'Tambah' untuk menambahkan invois baki belum bayar.
5. Setelah semua invois di masukkan, tekan 'Simpan'.
6. Untuk mengubah baki awal, pilih (highlight) invois yang hendak di ubah
7. Edit invois yang dipilih dan tekan 'Simpan' untuk menerima perubahan.



**Rajah 4-6**  
Baki Awal Inventori



1. Masukkan nombor pelarasan (Adjustment No.).
2. Masukkan nombor rujukan untuk pelarasan ini.
3. Masukkan tarikh baki awal (opening balance date).
4. Masukkan keterangan, seperti baki awal.
5. Pilih kod item.
6. Dalam jenis, taip "I" untuk pelarasan masuk (adjustment in) dan "O" untuk pelarasan keluar (adjustment out).
7. Masukkan kuantiti awal (opening quantity).
8. Masukkan kos unit.
9. Tekan "Item Baru" untuk menambahkan item.
10. Setelah memasukkan semua baki awal dalam inventori, tekan 'simpan' untuk terima.

Tip: Ini adalah penting, anda dikehendaki memasukkan semua item inventori di dalam penyelenggaraan sebelum anda masukkan baki awal. (Merujuk Bab 3-4)

## Bab 5

## Kemasukan Data Harian

PEMBAYARAN

KOD G/L	NAMA	NO RI	JENIS	JUMLAH AMALIN
25600	Kenderaan	7082	T3	118,965.00
72200	Insurans	7082	T3	1,732.00
Total				120,697.00

Rajah 5-1

Kemasukan Pembayaran Buku Tunai



1. Pilih pusat kawalan (control centre) (seperti jabatan, projek, dll) jika perlu.
2. Pilih kod akaun (Tunai/ Bank) yang mana pembayaran dibuat.
3. Masukkan nombor cek/rujukan.
4. Masukkan keterangan untuk mengenal pasti bayaran ini.
5. Pilih kod akaun G/L untuk dipindahkan (post) ke pembayaran.
6. Masukkan nombor bil/rujukan.
7. Keterangan yang anda masukkan pada No.4 di atas akan mempamerkan di sini, jika anda perlu boleh mengubah keterangan ini.
8. Pilih jenis cukai, jika perlu.
9. Masukkan amaun bayaran.
10. Amaun cukai akan mempamerkan di sini (kiraan akan berdasarkan jenis cukai yang dipikirkan pada no. 8 di atas).
11. Jumlah harga kasar akan mempamerkan disini. Sila tekan 'Enter'.
12. Skrin ini akan dipamerkan. Tekan "Simpan Kelompok" jika ini adalah jumlah pembayaran.
13. Jika ada lebih daripada satu akaun G/L untuk dipindahkan, tekan "Tambah Item" (ulang langkah 5 hingga 12 sehingga anda telah masukkan semua item di dalam baucer bayaran).
14. Tekan "Kemaskini ke G/L" untuk transaksi ini diterima.

## Bab 5 Kemasukan Data Harian

**Rajah 5-2**

*Kemasukan Penerimaan Buku Tunai*



1. Pilih pusat kawalan (control centre) (seperti, jabatan, projek, dll) jika perlu.
2. Pilih kod akaun (Tunai/ Bank) di mana penerimaan ini dibankkan.
3. Masukkan nombor cek/rujukan.
4. Masukkan keterangan untuk mengenal pasti penerimaan ini.
5. Pilih kod akaun G/L yang berkaitan untuk memindahkan (post) penerimaan ini.
6. Masukkan nombor bil/rujukan.
7. Keterangan yang anda masukkan dalam No. 4 di atas akan mempamerkan disini jika anda perlu boleh mengubahkan keterangan ini.
8. Pilih jenis cukai, jika perlu.
9. Masukkan amaun penerimaan.
10. Amaun cukai akan mempamerkan disini (kiraan akan berdasarkan jenis cukai yang anda pilih pada no. 8 di atas).
11. Jumlah harga kasar akan mempamerkan disini. Sila tekan 'Enter'.
12. Skrin ini akan dipamerkan. Tekan "Simpan kelompok" jika ini adalah jumlah penerimaan.
13. Jika ada lebih daripada satu akaun G/L untuk dipindahkan, tekan 'Item Tambahan' (ulang langkah 5 hingga 12 sehingga anda telah masukkan semua item dalam Baucer Resit).
14. Tekan "Kemaskini ke G/L" untuk transaksi in diterima.



**Kemasukan Jurnal G/L Lain - Lejar Am**

Fail (F) Paparan (V) Kemasukan Data (D) Pertanyaan (I) Laporan (R) Penyelenggaraan (M) Bantuan (H)

GL A/R A/P IN ST

No Transaksi: JNL00001

Ctrl Centre: [ ]

Tarikh: 31/01/2001

Kod G/L: 25600.01 Susutnilai Kenderaan Terkumpul

No Rujukan: 8115

Keterangan: Susut Nilai - Jan '01

Jenis Cukai: [ ]

Debit: 0.00 Kredit: 1,000.00

**JURNAL**

KOD G/L	NAMA	NO RUJ	KETERANGAN	JENIS	DEBIT	KREDIT
70900	Belanja Susutnilai	8115	Susut Nilai - Jan '01		1,000.00	
25600.01	Susutnilai Kenda...	8115	Susut Nilai - Jan '01			1,000.00

Tambah Item (M) Padam Item (E) 2/2 Jumlah 1,000.00 1,000.00


Tekan F1 untuk Bantuan 1/0 NUM

**Rajah 5-3**

*Kemasukan Jurnal G/L Lain*



1. Pilih kod pusat kawalan (control center) (seperti, jabatan, project, dll), jika perlu.
2. Pilih kod akaun G/L.
3. Masukkan nombor rujukan jurnal ini dan menaip keterangan.
4. Masukkan jenis cukai, jika perlu.
5. Masukkan di sini, jika amaun ini adalah debit.
6. Masukkan di sini, jika amaun ini adalah kredit.
7. Masukkan debit dan kredit akan mempamerkan di dalam skrin berwarna biru muda. Jumlah kemasukan debit dan kredit akan sama.
8. Tekan “ Kemaskini ke G/L” untuk transaksi in diterima.




Rajah 5-4  
Kemasukan Data Jualan



1. Pilih kod A/R (pelanggan).
2. Pilih pusat kawalan (seperti. Jabatan, projek, dll) jika perlu.
3. Masukkan nombor rujukan invois.
4. Masukkan tarikh invois.
5. Masukkan keterangan.
6. Masukkan amaun invois. Tekan 'Enter'.
7. Item akan keluar di bahagian tingkap bawah yang berwarna biru muda. Jika anda hendak edit item, pilih (highlight) item dan anda boleh edit dalam kotak putih.
8. Tekan " Kemaskini ke AR".

Jika anda ingin menganalisa amaun invois ke beberapa akaun jualan, tekan 'M' di hujung kotak putih. Skrin berikut dipamerkan.



1. Pilih kod jualan (sales code), seperti Jualan 1
2. Pilih jenis cukai, jika perlu. Amaun cukai akan dikira berdasarkan jenis cukai yang dipilih.
3. Masukkan amaun bersih invois.
4. Amaun kasar akan automatik dikirakan.
5. Tanda ini untuk genapkan amaun cukai.
6. Tekan 'Enter'. Item akan keluar pada tingkap bawah yang berwarna biru muda. (Ulang langkah 1-5 sehingga jumlah amaun bil telah dimasukkan).
7. Tekan "Simpan" untuk terima.

## Bab 5 Kemasukan Data Harian

NO RUJ	CAWANGAN	TARIKH	KETERANGAN	AMAUN
CS00001	S1	01/01/2001	JUJALAN	1,030.00
CS00001	S1	01/01/2001	JUJALAN	1,030.00
CS00002	S1	01/01/2001	JUJALAN	2,000.00

**Rajah 5-5**  
*Kemasukan Data Jualan Tunai*



1. Pilih akaun Tunai/ Bank.
2. Masukkan No.Bill Jualan Tunai.
3. Pilih Pusat Kawalan, jika perlu.
4. Masukkan tarikh Jualan Tunai.
5. Keterangan “Jualan” akan dipamerkan jika anda perlu boleh mengubahkan keterangan ini.
6. Masukkan amaun Jualan Tunai.
7. Kod akaun G/L akan dipamerkan disini.
8. Tekan “ Kemaskini ke A/R”.

Jika anda ingin menganalisa (post) amaun jualan tunai ke beberapa akaun jualan, tekan ‘M’ di hujung kotak putih. Skrin berikut dipamerkan.



**Jualan-Catatan Analisis G/L (Pindahkan ke akaun G/L yang berlainan)**

Cawangan : S1  
 Reference No : CS00001  
 Customer Name : JUJALAN TUNAI


Kod G/L : 51100.01 | Jualan - Buku Rujukan  
 Jenis Cukai : T3 | 30.00  
 Amaun : 1,000.00  
 Jumlah Kasar : 1,030.00

Genapkan (E)  (Pembetulan persendirian genap cukai)

KOD G/L	NAMA G/L	JENIS	CUKAI	AMAUN	JUMLAH ITEM
51100.01	Jualan - Buku Rujukan	T3	30.00	1,000.00	1,030.00

1/1 | Ini Jumlah Invois : 1,030.00


1. Pilih kod jualan (sales code).
2. Pilih jenis cukai, jika perlu. Amaun cukai akan dikira berdasarkan jenis cukai yang dipilih.
3. Masukkan amaun bersih bil.
4. Amaun kasar akan dikirakan secara automatik.
5. Tanda ini untuk genapkan amaun cukai.
6. Tekan ‘Enter’. Item akan keluar pada tingkap bawah yang berwarna biru muda.(Ulang langkah 1-5 sehingga jumlah amaun bil telah dimasukkan).
7. Tekan “Simpan” untuk terima.




**Rajah 5-6**  
Penerimaan Daripada Pelanggan



1. Pilih kod A/R (pelanggan).
2. Pilih Pusat Kawalan, jika perlu.
3. Masukkan nombor cek/rujukan.
4. Masukkan tarikh penerimaan. Semua invois yang belum jelas akan keluar pada tingkap di bawah yang berwarna kuning muda.
5. Masukkan keterangan untuk penerimaan ini. Tekan 'Enter'.
6. Di dalam skrin kedua, pilih akaun Tunai/ Bank.
7. Masukkan amaun cek/tunai.
8. Masukkan caj bank (bank charges), jika perlu (Ini hanya untuk cek luar).
9. Amaun bersih akan dikirakan secara automatik.
10. Tekan "Terima" untuk kembali ke skrin pertama.
11. Sistem akan memadamkan penerimaan dengan invois yang paling lama secara automatik. Jika tidak, tekan butang "Bersih/Bayar Semua" untuk melakukan pepadanan semula. Anda boleh memilih invois dengan cara klik dua kali pada invois yang hendak dipadamkan.



12. Jika ini adalah bayaran penuh, anda boleh memilih (highlight) invois yang hendak dipadankan dengan tekan 'Bayaran Penuh'.
13. Jika ini adalah sebahagian daripada pembayaran, pilih (highlight) invois yang hendak dipadankan dan tekan 'Sebahagian Bayaran'. Kotak putih akan keluar untuk anda masukkan amaun yang hendak dipadankan dengan invois yang dipilih.
14. Jika anda hendak cetak Resit Rasmi, tekan 'Cetak RR'.
15. Tekan 'Kemaskini ke AR' untuk simpan.




**Rajah 5-7**  
 Untuk memadankan Nota Kredit Atau  
 Penerimaan yang dilakukan lebih dahulu

Untuk memadankan Nota Kredit atau Penerimaan yang dilakukan lebih dahulu, pergi ke skrin Kemasukan Data Penerimaan.

1. Pilih Kod A/R (pelanggan).
2. Masukkan tarikh nota kredit atau penerimaan yang dilakukan lebih dahulu. Semua transaksi pada atau sebelum tarikh ini akan keluar di dalam skrin yang berwarna kuning muda.
3. Klik dua kali pada nota kredit atau penerimaan yang dilakukan lebih dahulu.
4. Klik dua kali pada invois yang hendak memadankan dengan nota kredit atau penerimaan yang dilakukan lebih dahulu.
5. Klik 'Kemaskini ke A/R' untuk terima.

Tip: Anda boleh memadankan invois dengan nota kredit/penerimaan yang dilakukan lebih dahulu sekali sahaja. Jika lebih daripada satu nota kredit/penerimaan yang dilakukan lebih dahulu untuk dipadankan, ulang langkah 1 hingga 5 di atas.






**Rajah 5-8**  
*Kemasukan Data Belian*

1. Pilih kod A/P (Pembekal).
2. Pilih Pusat Kawalan, (seperti jabatan, projek, sebagai) jika perlu.
3. Masukkan nombor invois belian.
4. Masukkan tarikh invois belian.
5. Masukkan keterangan.
6. Masukkan amaun invois. Tekan 'Enter'.
7. Item akan keluar pada tingkap bawah yang berwarna hijau muda. Jika anda hendak edit item, pilih (highlight) item dan anda boleh edit dalam kotak putih.
8. Tekan 'Kemaskini ke A/P'.

## Bab 5 Kemasukan Data Harian

Jika anda ingin menganalisa invois belian dan beberapa akaun belian, tekan 'M' di hujung kotak putih. Skrin berikut akan dipamerkan.



The diagram illustrates the process of entering purchase data. It starts with a circular icon labeled 'Kemasukan Data Belian' (Purchase Data Entry) containing icons of a calculator, a computer, and a printer. A red arrow points to a circular display labeled 'MAUN' (Net Amount) showing '0.00 M'. Another red arrow points from this display to a screenshot of the 'Belian-Catatan Analisis G/L' (Purchase Analysis) software window.

**Belian-Catatan Analisis G/L (Pindahkan ke akaun G/L yang berlainan)**

Cawangan : S1  
Reference No : INVKP00100  
Supplier Name : Kawanku Buku Kedai

Kod G/L : 61100.02 Belian - Alat Tulis  
Keterangan G/L : BELIAN  
Jenis Cukai : T3 150.00  
Amaun : 5,000.00  
Jumlah Kasar : 5,150.00

Genapkan (B)  (Pembetulan persendirian genap cukai)

Klik butang "Tambah Item G/L" untuk menambah analisis butir G/L atau tekan butang "SIMPAN" untuk keluar.

KOD G/L	NAMA G/L	KETERANGAN	JENIS	CUKAI	AMAUN	JUMLAH ITEM
61100.02	Belian - Alat Tulis	BELIAN	T3	150.00	5,000.00	5,150.00

1/1 Ini Jumlah invois 5,150.00

Buttons: Simpan (S), Tambah Item G/L (A), Padam Item G/L (E), Batal (C)

1. Pilih akaun G/L, seperti Belian 1, masukkan keterangan untuk belian ini.
2. Pilih jenis cukai, jika perlu. Amaun cukai akan dikira berdasarkan jenis cukai yang dipilih.
3. Masukkan amaun bersih invois belian.
4. Amaun kasar akan dikirakan secara automatik.
5. Tanda ini untuk menggenapkan amaun cukai
6. Tekan 'Enter'. Item akan keluar pada tingkap bawah yang berwarna hijau muda.(ulang langkah 1-5 sehingga semua amaun invois belian telah dimasukkan).
7. Tekan "Simpan" untuk terima.

**Rajah 5-9**

*Kemasukan Pembayaran Untuk Pembekal*



1. Pilih kod A/P (Pembekal).
2. Pilih pusat kawalan, jika perlu.
3. Masukkan nombor cek/rujukan.
4. Masukkan tarikh pembayaran. Semua invois yang belum membuat bayaran kepada pembekal akan keluar pada tingkap kuning muda dibawah.
5. Masukkan keterangan pembayaran. Tekan 'Enter'.
6. Di dalam skrin kedua kedua, pilih akaun Tunai/Bank.
7. Masukkan amaun bayaran.
8. Masukkan caj bank (bank charges), jika perlu (Ini hanya untuk cek-cek tempat lain)
9. Jumlah amaun bersih cek ini akan dipamerkan. Amaun ini adalah amaun yang akan ditunjukkan pada penyata bank anda.
10. Tekan "Terima" untuk kembali ke skrin pertama.
11. Sistem akan memadankan pembayaran dengan invois yang paling lama. Jika tidak, tekan butang "Bersih/Bayar Semua" untuk melakukan pepadanan semula. Anda boleh memilih invois yang hendak dengan cara klik dua kali pada invois yang hendak dipadankan

## Bab 5 Kemasukan Data Harian

Kemasukan Data Bayaran - Lejar Pemiutang

Fail (F) Paparan (V) Kemasukan Data (D) Pertanyaan (I) Laporan (R) Penyelenggaraan (M) Bantuan (H)

G/L A/R AP IN ST

Kod A/P: PM001

Cawangan: S1

Cek/No Rujukan: AOB010100

Tarikh: 31/01/2001

Keterangan: BAYARAN

Amaun: 2,000.00 Baki Diperuntukkan: 0.00

No Transaksi: APP00501

Untuk memadankan bayaran dengan invoice, sistem ini akan padankan invoice yang paling lama secara automatik. Jika tidak, klik butang "Padam / Bayar Semua" untuk melakukan pemadanan semula.


TARIKH	NO RUJUK...	KETERANGAN	AMAUN INVOIS	BAKI	BAYARAN
31/12/2000	Baki Pem...	Belian	3,000.00	0.00	1,000.00
24/01/2001	PB01000	Belian	1,750.00	680.00	1000.00

2/2 (klik bayaran penuh/sebahagian untuk memadankan item)

Bayaran Penuh (E) Bayaran Sebahagian (T)

Tekan F1 untuk Bantuan


12. Jika ini adalah bayaran penuh, anda boleh memilih (highlight) invoice yang hendak dipadankan dengan tekan "Bayaran Penuh".
13. Jika ini adalah sebahagian pembayaran, anda boleh pilih (highlight) invoice yang hendak dipadankan dan tekan "Bayaran Sebahagian". Kotak putih akan keluar untuk anda masukkan amaun yang hendak padankan invoice yang dipilih.
14. Jika anda hendak cetak baucer, tekan "Cetak Bucer".
15. Tekan "Kemaskini ke AP" untuk simpan.



**Rajah 5-10**  
Kemasukan Inventori Penerimaan



1. Sistem akan mengeluarkan No. Penerimaan secara automatik.
2. Pilih pesanan belian, jika perlu. (semua maklumat item pada pesanan belian akan dipindahkan pada skrin biru muda di tingkap bawah).
3. Pilih pusat kawalan, jika perlu.
4. Masukkan No. Rujukan untuk mengenal pasti transaksi ini, seperti Nombor Invois Belian.
5. Pilih kod A/P (Pembekal).
6. Masukkan tarikh inventori penerimaan .
7. Masukkan keterangan untuk transaksi ini.
8. Di bawah kod item, pilih item yang diterima. Masukkan jumlah, unit harga, diskaun dan cukai, jika perlu. Amaun cukai akan dikira berdasarkan jenis cukai yang dipilih.
9. Kod G/L pilihan (default G/L code) akan keluar dengan secara automatik.
10. Amaun ini adalah amaun bersih.
11. Tekan “Simpan” untuk terima.



**Rajah 5-11**  
Kemasukan Pelarasan Inventori



1. Nombor Pelarasan akan keluar secara automatik, jika perlu anda boleh mengubahnya.
2. Masukkan No. Rujukan untuk mengenal pasti transaksi ini, seperti Nombor Invois Belian.
3. Masukkan tarikh transaksi.
4. Masukkan keterangan untuk pelarasan ini.
5. Pilih item untuk dipelaras.
6. Tekan 'I' untuk pelarasan masuk dan 'O' untuk pelarasan keluar.
7. Masukkan kauntiti yang dilaraskan
8. Masukkan unit kos dan amaun yang dilaraskan.
9. Tekan 'Item Baru' untuk menambahkan item di kemasukan pelarasan inventori.
10. Tekan "Simpan" untuk terima.

## Bab 6

## Menyediakan Bil/Dokumen

ITEM	KOD	KETERANGAN	KUANTITI	UNIT HA...	TAX	GL CODE	AMAUN
1	2BB01	Parker Pen Biru	150 Batang	2.50	T3	51100.02	375.00
2	3PMQ2	SPM Matematic	100 Buah	29.90	T3	51100.01	2,990.00


Rajah 6-1

Menyediakan Sebut Harga




1. Pilih kod A/R (Pelanggan).
2. Nombor Sebut Harga (Quotation) akan dikeluarkan secara automatik.
3. Masukkan no item, kod item, kuantiti. Unit harga seting permulaan (default unit price) akan keluar disini.
4. Pilih jenis cukai, jika perlu. Amaun cukai akan dikira berdasarkan jenis cukai yang dipilih.
5. Kod G/L seting permulaan (default G/L code) akan keluar disini. Anda boleh mengubahnya jika ingin memindahkan (post) ke akaun jualan yang lain.
6. Tekan "Item Baru" untuk menambah item pada sebut harga. (ulang langkah 3-5)
7. Jumlah bersih akan keluar di sini adalah selepas kiraan cukai.
8. Nombor Pesanan Jualan akan menunjukkan di sini.
9. Tekan "Simpan", "Papar" atau "Cetak" jika anda hendak simpan, lihat atau cetak sebut harga.
10. Tekan "Baru" untuk mencipta sebut harga baru
11. Tekan sini jika anda hendak mengubah format sebut harga (Rujuk Bab 13 –Laporan Aturan Persendirian).

## Bab 6 Menyediakan Bil/Dokumen



Tekan 'konteks' dan skrin di atas akan keluar .

1. Menaip konteks header di sini.
2. Menaip konteks footer di sini.
3. Jika anda perlu boleh seting permulaan konteks header and footer, klik 'Seting Permulaan'.



**Rajah 6-2**

*Menyediakan Pesanan Jualan*



1. Pilih kod A/R (Pelanggan).
2. Nombor Pesanan Jualan (Sales Order) akan dikeluarkan secara automatik.
3. Pilih sebut harga, jika perlu, untuk mengeluarkan pesanan jualan. Semua item dalam sebut harga akan dipindahkan ke pesanan jualan.



4. Jika sebut harga tidak dipilih, masukkan no item, kuantiti dan pilih jenis cukai , jika perlu. Amaun cukai akan dikira berdasarkan jenis cukai yang dipilih.
5. Kod G/L permulaan (default G/L code) akan keluar disini. Anda boleh mengubahnya jika anda hendak memindahkan ke akaun jualan yang lain.
6. Tekan “Item Baru” untuk menambah item pada pesanan jualan.
7. Masukkan nilai diskaun, jika perlu. Ini adalah diskaun untuk semua item di dalam pesanan jualan ini.
8. Jumlah bersih yang ditunjukkan di sini adalah selepas kiraan cukai.
9. Tekan ‘Simpan’, ‘Papar’ atau “Cetak”, jika anda hendak simpan, papar atau cetak pesanan jualan.
10. Untuk mencipta pesanan jualan baru, tekan “Baru”.
11. Tekan sini jika anda hendak mengubah format pesanan jualan (Rujuk Bab 13 –Ubahsuai Laporan).

**Rajah 6-3**

*Menyediakan Pesanan Penghantaran*



1. Pilih kod A/R (Pelanggan)
2. Nombor Pesanan Penghantaran (Delivery Order) akan disediakan secara automatik.
3. Pilih pesanan jualan, jika perlu, untuk menyediakan pesanan penghantaran. Semua item dalam pesanan jualan akan dipindahkan ke pesanan penghantaran.
4. Pilih sebut harga, jika perlu untuk mengeluarkan pesanan penghantaran. Semua item dalam sebut harga akan dipindahkan ke pesanan penghantaran
5. Jika pesanan jualan tidak dipilih, masukkan no item, kuantiti dan pilih jenis cukai, jika perlu. Amaun cukai akan dikira berdasarkan jenis cukai yang dipilih.
6. Kod G/L permulaan (default G/L code) akan keluar disini. Anda boleh mengubahnya jika anda hendak memindahkan (post) ke akaun jualan yang lain.
7. Tekan “Item Baru” untuk menambah item dalam pesanan penghantaran.
8. Masukkan nilai diskaun, jika perlu, . Ini adalah diskaun untuk semua item di dalam pesanan penghantaran ini.
9. Jumlah bersih akan menunjukkan di sini adalah selepas kiraan cukai.
10. Tekan ‘Simpan’, ‘Papar’ atau ‘Cetak’ untuk simpan, papar atau cetak pesanan penghantaran.

## Bab 6 Menyediakan Bil/Dokumen

11. Untuk mencipta pesanan penghantaran baru, tekan “Baru”.
12. Tekan sini jika anda hendak mengubah format pesanan penghantaran (Rujuk Bab 13 –Ubahsuai Laporan).

ITEM	KOD	KETERANGAN	KUANTITI	UNIT HA...	TAX	GL CODE	AMAUN
1	PBB01	Parker Pen Biru	150 Batang	2.50	T3	51100.02	375.00
2	SPM02	SPM Matematik	100 Buah	29.90	T3	51100.01	2,990.00

**Rajah 6-4**  
*Menyediakan Invois*



1. Pilih kod A/R (Pelanggan)
2. Nombor Invois akan disediakan secara automatik.
3. Pilih pesanan penghantaran, jika perlu, untuk menyediakan invois. Semua item dalam pesanan penghantaran akan dipindahkan ke invois.
4. Pilih sebut harga, jika perlu untuk mengeluarkan pesanan penghantaran. Semua item dalam sebut harga akan dipindahkan ke invois.
5. Pilih pusat kawalan, jika perlu
6. Jika pesanan penghantaran tidak dipilih, masukkan item, kuantiti dan pilih jenis cukai, jika perlu. Amaun cukai akan dikira berdasarkan jenis cukai yang dipilih.
7. Kod permulaan G/L (default G/L code) akan keluar disini. Anda boleh mengubahnya jika anda perlu memindahkan (post) ke akaun jualan lain.
